



## **JAYA TIASA HOLDINGS BERHAD**

[Registration No. 196001000095 (3751-V)]

### **NOTIS PRIVASI & KESELAMATAN DATA PERIBADI**

## 1. Pengenalan

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan Akta Perlindungan Data Peribadi (Pindaan) 2024 (“Akta”) ialah Akta yang diluluskan oleh kerajaan Malaysia untuk mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial dan untuk melindungi kepentingan Subjek Data.

Jaya Tiasa Holdings Berhad dan anak syarikatnya (“Kumpulan”, “kami”, atau “kita”) menghormati privasi, kerahsiaan dan data peribadi Pekerja, Rakan Niaga, Vendor, Pembekal, Pengekar dan Pelanggannya (“Subjek Data”). Selaras dengan Akta, kami telah mengambil langkah yang perlu dengan menyediakan Notis Privasi & Keselamatan Data Peribadi (“Notis”) ini yang menggariskan amalan berkenaan cara maklumat peribadi dikumpul dan diguna oleh kami.

## 2. Pengumpulan Data Peribadi

Data peribadi yang kami kumpul termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut: -

- a) Nama penuh, pekerjaan dan nama syarikat serta tandatangan;
- b) Umur, jantina, tarikh lahir, nombor kad pengenalan dan nombor pasport;
- c) Bangsa, etnik, kewarganegaraan, pilihan utama dan minat;
- d) Maklumat perhubungan (termasuk tetapi tidak terhad kepada alamat surat-menyurat, kediaman dan pejabat, nombor telefon dan alamat e-mel);
- e) Status perkahwinan, butiran anak, pendapatan, majikan semasa dan terdahulu;
- f) Maklumat lain yang berkaitan dengan tinjauan pelanggan, promosi atau tawaran.
- g) Data biometrik hasil dari pemprosesan ciri-ciri fizikal, fisiologi atau ciri tingkah laku seseorang.

## 3. Tujuan Pemprosesan

Kami mungkin mengumpul dan memproses Data Peribadi untuk tujuan menjalankan transaksi yang diperlukan dan untuk perniagaan, kebajikan dan aktiviti sosial Kumpulan, termasuk tetapi tidak terhad kepada tujuan-tujuan berikut:

- a) Untuk menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan dan/atau pekerja kami;
- b) Untuk permohonan kerja dan pemprosesan data pekerjaan;
- c) Untuk lebih memahami keperluan pelanggan kami;
- d) Untuk menambah baik produk dan perkhidmatan kami;
- e) Untuk aktiviti kewangan dan pemasaran;
- f) Untuk menghantar mesej perayaan, jemputan, mesej promosi dan tawaran istimewa;
- g) Membolehkan pihak berkaitan menyediakan barangan atau perkhidmatan kepada kami;
- h) Untuk tujuan keselamatan dan pencegahan penipuan;
- i) Untuk tujuan tadbir urus korporat;
- j) Untuk mematuhi keperluan undang-undang dan peraturan;
- k) Untuk tujuan data yang diberikan kepada kami;
- l) Untuk semua tujuan lain berkaitan dengan perkara di atas yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan, garis panduan dan/atau pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan.

## 4. Keselamatan Data

Kami mungkin mengumpul dan menyimpan data peribadi anda dalam bentuk elektronik dan/atau fizikal, bergantung pada keperluan. Untuk mengelakkan kehilangan, kecurian, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses/pengubahan/pendedahan/pemusnahan tanpa kebenaran atau tidak sengaja, kami telah menyediakan prosedur fizikal, elektronik, teknikal dan

pentadbiran yang bersesuaian serta langkah-langkah keselamatan untuk melindungi Data Peribadi yang kami kumpul. Beberapa langkah ini termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- a) Akses fizikal atau sistem terhad kepada storan data untuk orang yang diberi kebenaran sahaja;
- b) Penghantaran data sistem yang disulitkan melalui rangkaian;
- c) Memastikan rangkaian terkini dan alatan keselamatan tersedia;
- d) Penilaian dan semakan keselamatan berkala untuk penambahbaikan.

#### **5. Pendedahan Data Peribadi**

Data Peribadi akan dirahsiakan oleh kami. Walau bagaimanapun, kami mungkin dikehendaki atau perlu mendedahkan maklumat kepada kategori pihak tertentu seperti yang disenarai :-

- a) Mana-mana yang pihak berkaitan, syarikat bersekutu, dan anak syarikat Kumpulan;
- b) Juruaudit, perunding, peguam, akauntan atau penasihat kewangan atau profesional berkaitan yang dilantik oleh pihak syarikat;
- c) Pembekal perkhidmatan pihak syarikat pengurusan ketiga, rakan kongsi perniagaan, kontraktor, sub-kontraktor dan/atau pihak yang diberi kuasa atau dikontrak berhubung menyediakan anda dengan produk dan perkhidmatan yang berkaitan;
- d) Penyedia perkhidmatan dilantik Kumpulan berhubung perkhidmatan penghantaran;
- e) Mana-mana orang, agensi kerajaan, pihak berkuasa berkanun dan/atau pengawal selia, di mana kami dikehendaki berbuat demikian menurut undang-undang;
- f) Majikan masa lalu dan/atau masa depan pekerja;
- g) Agensi pekerjaan dan pengambilan pekerja;
- h) Institusi pendidikan dan latihan serta badan pemeriksa;
- i) Pihak lain yang berkenaan dimana Subjek Data telah memberikan kebenaran mereka secara tersurat atau tersirat.

#### **6. Ketepatan dan pengemaskinian Data Peribadi**

Apabila Subjek Data memberikan maklumat peribadi mereka kepada kami, Subjek Data hendaklah mengesahkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah tepat, lengkap dan terkini. Jika terdapat sebarang perubahan atau jika Subjek Data percaya bahawa Data Peribadi yang kami miliki adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini, sila hubungi kami supaya kami boleh mengambil langkah untuk mengemas kini Data Peribadi berkenaan.

#### **7. Akses, pembetulan, pertanyaan dan aduan**

Jika Subjek Data ada sebarang soalan mengenai Notis ini atau ingin membuat sebarang pertanyaan atau aduan atau meminta akses untuk membuat pembetulan, pindaan atau kemas kini atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi mereka atau untuk menarik balik kebenaran mereka, Subjek Data boleh menghubungi kami melalui :

#### **Pegawai Perlindungan Data Peribadi**

Jaya Tiasa Holdings Berhad

Tel : +6084-213 255

Faks: +6084-213 855

Emel: [inquiry@jayatiasa.net](mailto:inquiry@jayatiasa.net)

## **8. Pindaan notis**

Syarikat berhak untuk mengemas kini, menyemak semula, meminda dan/atau mengubahsui Notis ini dari semasa ke semasa dan dalam apa jua cara mengikut budi bicara mutlaknyanya yang menurut undang-undang. Sebarang perubahan material akan disiarkan di laman web kami dan/atau cara komunikasi lain yang bersesuaian yang ditentukan oleh Syarikat.

Sila baca Notis ini untuk memahami cara kami menggunakan maklumat peribadi yang mungkin kami kumpulkan daripada Subjek Data. Dengan memberikan sebarang maklumat peribadi kepada kami, Subjek Data bersetuju melalui Notis ini terhadap pengumpulan, penggunaan, akses, penyimpanan dan pemprosesan data peribadi seperti yang diterangkan dalam Notis ini.

Jika terdapat percanggahan antara versi terjemahan Bahasa Malaysia dan versi Bahasa Inggeris, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai. *(If there are discrepancies between the translated version and English version, the English version will prevail)*